

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 29 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 20



ZURAIDA (kanan) melihat pelan cadangan pembinaan Kuala Terengganu Sentral.

Pastikan harga rumah munasabah

Kuala Terengganu: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan harga rumah mampu milik (RMM) yang akan dibina selepas ini ditetapkan mengikut faktor lokaliti dan pendapatan isi rumah di sesebuah kawasan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, kerajaan

peka dengan masalah ketidakmampuan memiliki rumah terutama RMM dalam kalangan rakyat negara ini yang dikatakan berharga tinggi.

Beliau berkata, untuk itu kerajaan sudah merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang menjadi sub kepada Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025) pada awal tahun

ini untuk memastikan harga RMM munasabah dan mampu dimiliki rakyat negara ini.

"Dalam DRMM ini, kita akan pastikan harga rumah ini tidak lebih daripada tiga kali ganda daripada median kawasan itu. Jadi KPKT akan mengikut dasar tiga kali ganda daripada pendapatan isi rumah di sesebuah kawasan dan itulah harga rumah yang sesuai untuk kemampuan pembelian," katanya pada sidang media selepas melawat tapak KT Sentral di sini, semalam.